

Institut Muzik UCSI diiktiraf antara terbaik di Asia

Kuala Lumpur: Universiti UCSI diiktiraf dalam kedudukan 100 institusi terbaik dalam bidang muzik dan seni persembahan oleh penilaian *QS World University Rankings by Subject 2018*, yang diumumkan, baru-baru ini.

Statistik yang diberikan QS itu memperlihatkan reputasi membarringsangkan ditunjukkan Institut Muzik UCSI (iMus) dalam bidang akademik dan pekerjaan.

Kelayakan bidang itu menjadi penyumbang utama pada penilaian skor keseluruhan tertinggi sekali gus menempatkan UCSI di dalam senarai 100 terbaik daripada 1,182 institusi yang dinilai.

Pengarah Institut Muzik UCSI, Prof Dr P'ng Tean Hwa, berkata pengiktirafan itu adalah satu kebanggaan buat universiti dan berjaya dicapai hasil kerja keras iMus dan warga UCSI.

Beliau berkata, tersenarai antara 100 institut yang terbaik daripada kebanyakan universiti dan sekolah muzik di seluruh dunia adalah sesuatu yang amat membanggakan dan memberikan kepuasan.

Katanya, usaha dilakukan untuk berada di kedudukan itu bukanlah sesuatu yang mudah kerana pada masa sama UCSI perlu membuktikan bahawa wujudnya peluang pekerjaan dan masa depan yang cerah dalam bidang muzik.

Pilihan utama

"Setiap warga UCSI memainkan peranan dalam meningkatkan pencapaian universiti dan iMus sehingga ke hari ini dan apabila kami bersatu padu, segalanya menjadi lebih hebat dan cemerlang.

"Kami akan terus berusaha kuat untuk mempertahankan kejayaan ini. Kami menyasarkan untuk men-

jadi pilihan utama, bukan sahaja dalam kalangan pelajar tempatan, tetapi juga untuk pelajar dari seluruh dunia," katanya.

iMus terkenal sebagai pusat pengajian muzik yang utama di Malaysia membabitkan bidang muzik klasikal dan kontemporari, malah berjaya melahirkan penggiat seni terkenal, antaranya Dr Joanne Yeoh, Dennis Lau dan komposer terkenal, Onn San.

Institut muzik itu turut mengadakan pertandingan piano peringkat wilayah dan persidangan muzik yang bertujuan mengajar pelajarnya mengenai pengetahuan pedagogi.

Universiti UCSI menjadi universiti yang terpantas meningkat naik di Asia selepas melonjak-naik 131 tangga dalam penilaian *QS University Rankings: Asia 2018* sekali gus menempatkan UCSI dalam 1.8 peratus universiti terhebat di Asia.



Pelajar dan kakitangan iMus meraikan pencapaian cemerlang yang diraih UCSI dalam penilaian *QS World University Rankings by Subject 2018*.